



**PERUMAHAN
KAMPUNG DATO' KERAMAT**

BAB 4

PENGUBAHAN DAN PENGUBAH SUAIAN PERUMAHAN

4.0 Pengenalan

Rumah bukan sahaja berfungsi sebagai tempat perlindungan. Malah lebih daripada itu, rumah turut dikaitkan dengan kesejahteraan hidup berkeluarga. Keupayaan untuk memiliki rumah adalah bergantung kepada beberapa faktor. Antaranya ialah keupayaan dari segi ekonomi, keperluan dan sejauh mana stok perumahan terdapat di dalam pasaran. Keperluan perumahan bagi golongan miskin adalah sangat minima. Bagi mereka keperluan fizikal perumahan adalah sekadar untuk memenuhi keperluan untuk berlindung daripada panas dan hujan. Oleh yang demikian, di kebanyakan kawasan sesak dan sub-standard bentuk-bentuk perumahan golongan ini adalah begitu mudah dan ringkas (Mohd. Razali Agus, 1994:127-149).

Masalah perumahan di kawasan bandar pula adalah merupakan masalah sejagat. Di kawasan bandar, keperluan perumahan menjadi semakin mendesak kerana faktor permintaan dan

penawaran perumahan tidak seimbang. Proses urbanisasi yang menyebabkan pemusatan penduduk di kawasan bandar adalah antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan permintaan perumahan di kawasan bandar. Akibatnya masalah perumahan adalah perkara yang biasa di kawasan bandar (lihat Pelan Struktur Kuala Lumpur, 1984)

Di negara kita kepesatan proses perbandaran telah mewujudkan beberapa buah bandar yang telah mengalami proses urbanisasi yang pesat. Antara bandar-bandar yang telah mengalami kepesatan urbanisasi ini ialah Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang dan Ipoh. Di bandar-bandar besar ini juga masalah kekurangan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah adalah biasa. Keadaan pemilikan rumah semakin mendesak terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan miskin bandar. Justeru itu, proses perbandaran dan pembangunan perumahan khasnya di kawasan bandar adalah merupakan dua proses yang harus difahami melalui kajian yang mendalam. Pembangunan perumahan seharusnya mengambilkira keperluan dan keselesaan penghuni rumah di bandar. Lokasi-lokasi yang sesuai untuk pembangunan perumahan merupakan faktor yang menentukan pilihan pembeli-pembeli rumah.

Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) sendiri, kebanyakannya projek perumahan dijalankan sama ada oleh pihak kerajaan atau pihak swasta. Namun kebanyakannya projek perumahan bertaraf kos sederhana dan tinggi dijalankan oleh pihak swasta. Jarang sekali pihak swasta mahu menjalankan projek perumahan kos rendah kecuali mendapat bantuan atau pemberian subsidi daripada kerajaan.

Selain daripada perumahan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdapat juga perumahan yang dibina sendiri. Jenis perumahan bina sendiri ini antaranya ialah perumahan setinggan dan perumahan di kawasan-kawasan Tanah Rizab Melayu (TRM). Walaupun rumah-rumah sebegini tidak sepopular seperti rumah-rumah yang didirikan oleh pihak swasta dan kerajaan, namun kehadiran rumah seperti ini di persekitaran bandar juga harus diambilkira. Kehadiran rumah ini bukan sahaja membantu menambahkan stok perumahan di kawasan bandar malah ia juga merupakan alternatif kepada warga kota yang tidak mempunyai banyak pilihan perumahan.

Justeru itu kajian ini adalah bertujuan untuk memaparkan keadaan perumahan di kawasan Tanah Rizab Melayu di kawasan

bandar khasnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Fokus kajian ialah kepada kawasan perumahan 'RIDA' yang terletak di Kampung Dato' Keramat. Tujuan kajian ini ialah untuk memaparkan ciri-ciri perumahan di kawasan tersebut. Antara aspek yang turut diberikan perhatian ialah suasana persekitaran perumahan yang melibatkan keadaan perparitan dan longkang, persepsi responden terhadap kawasan perumahan dan perubahan terhadap struktur asal rumah 'RIDA'.

4.1 Pembangunan Perumahan di Kawasan Tanah Rizab Melayu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pembangunan perumahan di kawasan Tanah Rizab Melayu mempunyai kaitan dengan masalah kekurangan tanah untuk pembangunan perumahan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, misalnya, terpaksa mengenalpasti tanah bekas lombong yang terbiar untuk mencari tanah yang boleh digunakan untuk membina lebih banyak rumah kos rendah. Keadaan ini juga mempunyai kaitan dengan nilai tanah yang mahal di kawasan bandar. Pembangunan perumahan di kawasan TRM boleh memberi peluang penglibatan pemaju-pemaju Bumiputera untuk membangunkan projek perumahan.

Dari segi gunatanahnya, rata-rata kawasan Tanah Rizab Melayu khasnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dicirikan oleh gunatanah perumahan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.4 tentang profil gunatanah TRM di WPKL. Struktur perumahan yang terdapat di kawasan ini terdiri daripada perumahan orang Melayu yang kebanyakannya dibina sendiri oleh tuan rumah. Di kawasan TRM Kampung Dato' Keramat misalnya jenis rumah yang paling banyak ialah rumah sesebuah yang didirikan sendiri oleh tuan rumah. Jarang sekali kawasan Tanah Rizab Melayu ini mempunyai kawasan perumahan yang terancang dan moden. Oleh kerana itu dari segi fizikalnya kelihatan rumah-rumah di kawasan ini tidak teratur. Keadaan perumahan di sini menunjukkan struktur bahan binaan yang pelbagai daripada kayu dan batu blok. Selain itu juga rumah kediaman di kawasan ini mempunyai pelbagai bentuk dari rumah papan, rumah batu dan rumah flat empat tingkat.

Dari sudut pembahagian gunatanah di kawasan Tanah Rizab Melayu ini, menunjukkan kurang daripada separuh TRM (36.6%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur digunakan untuk perumahan (lihat Jadual 2.4). Apa yang menyedihkan hampir separuh atau (43.1%) TRM di WPKL masih lagi tidak dimajukan

sepenuhnya. Kalau dimajukan kawasan TRM ini berupaya untuk menampung tempat kediaman kepada lebih ramai warga kota di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Unit Pelan Induk Kuala Lumpur pernah menyatakan bahawa kawasan TRM di WPKL boleh menampung kira-kira 174,000 orang dalam tahun (1984) jika dimajukan dengan kepadatan kediaman kasar 150 orang sehektar atau (60 orang se ekar). Sekiranya diambil kepadatan perumahan kasar ialah 40 orang se ekar atau 100 orang sehektar kawasan ini boleh menampung jumlah penduduk seramai 116,120 orang (Mohd. Razali Agus, 1983:105).

Pelan Pembangunan Kuala Lumpur (1984) ada menyarankan bahawa kawasan TRM di WPKL seperti di Kampung Dato' Keramat telah diberikan keutamaan di dalam rancangan pembangunan bandar untuk orang-orang Melayu. Tetapi setelah kegagalan perancangan pembangunan di Kampung Baru, tiada usaha lain yang pernah dilakukan oleh kerajaan untuk pembangunan TRM yang lainnya. Pembangunan perumahan di kampung-kampung Melayu seperti di Kampung Dato' Keramat sepatutnya boleh dipertimbangkan. Sekurang-kurangnya pembangunan di kawasan ini dapat mengatasi masalah kesesakan pembangunan, dan menambahkan stok perumahan di kawasan bandar.

Di sebalik mempunyai potensi yang baik dan perletakan yang berhampiran dengan kawasan pembangunan pesat bandar, perubahan di kawasan TRM dari corak perkampungan kepada corak perbandaran moden dari segi aktiviti dan petempatan juga masih lembab malahan boleh dianggap tidak berganjak daripada keadaan asal. Kelembapan ini bukanlah suatu fenomena yang ganjil kerana boleh dikatakan hampir semua kawasan TRM yang terdapat di kawasan-kawasan bandar di Malaysia memaparkan keadaan yang sama. Ruang-ruang untuk perancangan seperti pembangunan semula bandar, program perumahan, dan pembinaan kompleks-kompleks perniagaan di atas kawasan TRM sebenarnya mampu untuk menampung keperluan perumahan dan mengurangkan kesesakan yang sedang berlaku di pusat bandar (Mohd. Razali Agus, 1983:107).

4.2 Aspek Perumahan di Kawasan Perumahan 'RIDA' Kampung Dato' Keramat.

Dari sudut sejarahnya Kampung Dato' Keramat ialah antara kawasan yang rata-ratanya di diam oleh orang-orang Melayu. Kawasan perumahan 'RIDA' yang terletak di Kampung Dato' Keramat diberikan namanya oleh penduduk di kawasan tersebut kerana pada tahun 1950-an 'RIDA' atau Lembaga Kemajuan dan

Perusahaan Kampung (sekarang ini MARA) adalah agensi kerajaan yang bergerak aktif untuk membangunkan ekonomi orang Melayu melalui pembukaan Tanah Rizab Melayu serta menggalakkan penglibatan orang Melayu dalam bidang perniagaan dan sebagainya.¹⁷


Salah satu peranan yang telah dimainkan oleh 'RIDA' berkaitan dengan pembangunan rumah kos rendah pada masa itu ialah pemberian pinjaman wang untuk membeli rumah (lihat Lampiran 14). Walau bagaimanapun, dari segi sejarah kawasan perumahan 'RIDA', ia telah bina mengikut dua fasa. Fasa pertama perumahan 'RIDA' ini telah dibina pada tahun 1956 sebanyak 50 unit rumah Fasa ke dua telah dibina pada tahun 1957. Fasa kedua ini telah menempatkan sebanyak 150 unit rumah tambahan. Pembinaan fasa ke dua perumahan ini telah diletakkan di bawah penyeliaan Lembaga Perumahan (Housing

¹⁷ RIDA atau Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan ditubuhkan pada tahun 1950. Dato' Onn Jaafar adalah pengurusnya yang pertama. Objektif penubuhan RIDA adalah bertujuan untuk memajukan ekonomi orang Melayu. Selaras dengan objektif itu struktur organisasi 'RIDA' telah disusun sekemas mungkin untuk mencapai matlamat pembangunan ekonomi. Antara jawatan kuasa yang telah diwujudkan ialah seperti jawatan kuasa getah, padi, ikan, pertukangan, jual-menjual, pinjaman, tanaman dan kemajuan tanah simpanan Melayu. Fungsi jawatan kuasa kemajuan tanah simpanan Melayu ialah untuk menimbang rancangan untuk membuka tanah baru di kawasan tanah simpanan Melayu dengan cara yang lebih baik untuk bertanam dan sebagainya. Disebabkan peranan yang telah dimainkan oleh 'RIDA' pada waktu tersebut maka rumah di kawasan ini telah diberikan nama sebagai rumah 'RIDA'. Tambahan pula 'RIDA' juga memberikan pinjaman kepada sesiapa yang hendak membeli rumah rakyat yang telah dibina di kawasan tersebut.

Trust) yang terletak di bawah Pesuruh Jaya Ibu Kota (sekarang ini DBKL). Di pihak Pesuruh Jaya Ibu Kota pula projek perumahan ini lebih dikenali sebagai projek NO. 38. Dari sudut lokasinya kawasan perumahan 'RIDA' ini terletak dari Lorong (Kiri) 5 sehingga Lorong (Kiri) 20. Rajah 1.9 di sebelah menunjukkan pelan lokasi sebahagian rumah 'RIDA' di Kampung Dato' Keramat.

Harga asal rumah 'RIDA' mengikut nilai pasaran pada masa tersebut ialah RM 2,700.00 sebuah. Rumah ini telah dijual secara ansuran. Bayaran bulanan yang dikenakan ialah sebanyak RM 33.00 sebulan. Tempoh bayaran ansuran ialah selama 10 tahun. Rumah ini mula diduduki pada bulan Disember 1957 (Lihat Lampiran 1).

Setelah 43 tahun usia perumahan ini terdapat beberapa perubahan yang telah berlaku kepada struktur asal rumah 'RIDA' di kawasan perumahan tersebut. Namun, jika dibandingkan dengan keperluan pembangunan perumahan pada hari ini, pembangunan perumahan di kawasan TRM ini berpotensi untuk menampung lebih ramai warga kota. Namun sehingga pada hari ini, masih belum terdapat perancangan perumahan yang moden di kawasan ini.




Rajah 1.9: Menunjukkan Lokasi Rumah RIDA Di Kg. Dato Kramat Pada Tahun 1957

Sumber. Pasuruan Java Tbu Kota 1957. (tidak diterbitkan)

Oleh kerana itu, kajian ini bertujuan untuk memaparkan aspek perumahan di kawasan ini. Antara tumpuan kajian ialah untuk melihat kepada pertamanya, persekitaran perumahan yang menyentuh soal saliran, perparitan dan longkang dan keduanya perubahan pada struktur rumah asal 'RIDA'.

4.3 Struktur Asal Rumah 'RIDA'

Rumah-rumah yang terdapat di kawasan ini adalah rumah dari jenis kos rendah iaitu model rumah kos rendah pertama pada tahun 1957. Bentuk dan struktur fizikal rumah 'RIDA' awal ditunjukkan di dalam Rajah 2.0. Kajian penulis juga menunjukkan struktur asal rumah ini adalah diperbuat daripada kayu yang telah ditanalisedkan. Struktur dalaman rumah adalah mengandungi pembahagian bilik yang dipisahkan oleh kad board (hard board). Terdapat hanya sebanyak dua buah bilik tidur. Ruang tamu adalah berhadapan dengan ruang bilik tidur kedua (Lihat Rajah 2.1 yang menunjukkan pelan lantai rumah 'RIDA' awal). Atap rumah adalah daripada atap asbestos. Manakala kedudukan dapur dan bilik air adalah dalam keadaan terpisah. Rumah ini juga bertangga dan mempunyai anjung (verandah). Pandangan tepi rumah 'RIDA' yang asal ditunjukkan seperti dalam Rajah 2.2.




PLAN

SCALE 4FT TO AN INCH

Rajah 2.1: Menunjukkan peta lantai asal rumah RIDA


Sumber: Lakaran Semula Dari Fail Pesuruh Jaya Ibu Kota, 1957
(tidak diterbitkan)

Pandangan Tepi



Rajah 2.2: Menunjukkan pandangan tepi rumah asal RIDA

Sumber: Lakaran Semula Daripada Fail Pesuruh Jaya Ibu Kota, 1957
(tidak diterbitkan)



Rajah 2.0: Menunjukkan rupa bentuk rumah asal RIDA
Sumber: SP 18/9C/216, Majalah Bulanan Melaya, bil. 10. 1957

Keluasan bilik tidurnya ialah 103 unit persegi setiap satu bilik. Tidak ada ruang makan khas yang disediakan melainkan ruang makan digunakan sama dengan ruang tamu yang luasnya 140 kaki persegi. Luas keseluruhan unit rumah berbeza-beza mengikut kedudukan rumah sama ada tepi atau tengah. Luas persekitaran rumah berbeza diantara 50'X 70', 50'X 90' dan 40'X 70' (soal selidik).

Pembinaan rumah 'RIDA' pada tahap awal ini mengalami beberapa kelemahan. Kelemahan yang paling ketara ialah kepada struktur rumah yang dibuat daripada kayu tersebut. Berdasarkan daripada laporan yang telah dibuat oleh penduduk kawasan perumahan ini (sila lihat Lampiran 16) menunjukkan walaupun pada usia perumahan baru mencecah 3 tahun didapati kayu yang mendasari rumah tersebut ada yang telah reput, dimakan anai-anai dan semut. Dinyatakan juga bahawa ada diantara tiang rumah 'RIDA' ini yang telah masuk ke bumi dan menyebabkan kedudukan rumah tersengit kerana tiang rumah tersebut patah.

Walau bagaimanapun, pada hari ini struktur asal rumah 'RIDA' sudah berubah sama sekali. Rata-rata kebanyakan rumah di sini telah mengalami perubahan. Keadaan ini adalah

selaras dengan usia perumahan tersebut yang telah menjangkau usia 43 tahun. Struktur rumah 'RIDA' yang lama telah buruk kerana faktor cuaca dan sebagainya. Namun antara unsur baru yang ketara yang boleh diperhatikan di kawasan ini ialah fenomena pengubahan atau transformasi rumah.

4.4 Transformasi Unit Rumah 'RIDA' .

Pengubahan dan penyambungan terhadap rumah adalah perkara yang lumrah di Malaysia. Pemilik rumah kos rendah yang membeli rumah di pasaran terbuka cenderung untuk melakukan pengubahan atau penyambungan kepada rumah asal mereka. Pengubahan ini bukan sahaja melibatkan perubahan struktur fizikal seperti penambahan bilik, pembesaran dapur dan sebagainya. Pengubahan rumah juga melibatkan perubahan kepada struktur bahan binaan rumah khasnya lantai dan dinding serta syiling rumah.


Walaupun, kes penyambungan atau pengubahan kepada aspek perumahan kos rendah adalah lumrah di negara kita namun, kajian mengenainya secara empirikal adalah masih baru. Namun seorang pengkaji Barat, Tipple (1968) telah membuat

kajian mengenai penyambungan atau penambahan terhadap rumah-rumah kos rendah ini di empat buah negara membangun. Antaranya ialah Bangladesh, Egypt, Ghana dan Zimbabwe. Hasil daripada kajian ini membuktikan bahawa pemilik-pemilik rumah yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana berupaya menambahkan keluasan rumah mereka melalui kegiatan pengubahsuaian yang dilakukan oleh mereka. Mereka memperbaiki struktur rumah asal mereka dan ada diantaranya yang membina tambahan bilik yang kemudiannya disewakan pula. Manakala bagi pemilik rumah di bahagian tepi, penambahan yang dilakukan terhadap rumah lebih besar dan ketara. Menurut Tipple (1968) walaupun, penambahan dilakukan dalam kuantiti yang kecil mahupun besar sekurang-kurangnya ini menambahkan sumbangan kepada stok perumahan negara sesebuah negara dan mencipta suasana persekitaran rumah yang berbagai atau beragam daripada struktur rumah yang asal. Sebagai keseimbangannya kajian beliau merumuskan bahawa penambahan atau penyambungan rumah ini patut digalakkan dan dirancangkan ke atas rumah sedia ada dan kepada rumah-rumah baru.

Berikutnya daripada keadaan ini kajian penulis terhadap aspek perumahan di Kampung Dato' Keramat telah membuktikan

bahawa wujudnya fenomena pengubahan atau penyambungan rumah di kawasan ini. Selaras dengan itu pengkaji telah memperincikan kajian mengenai transformasi rumah kepada tiga bahagian utama iaitu, bahagian hadapan, bahagian tengah dan bahagian dapur. Kajian ini juga berpandukan kepada struktur rumah asal 'RIDA' bagi memperlihatkan perubahan atau pengubahan yang telah berlaku. Gambar foto 10 di sebelah menunjukkan bentuk rumah asal 'RIDA' yang satu-satunya masih wujud di kawasan ini. Kajian ini juga bertujuan untuk memperlihatkan bahawa desakan pembangunan di persekitaran yang berlaku telah merubah 'persepsi masyarakat tentang aspek perumahan mereka. Walaupun, perumahan 'RIDA' ini dahulunya adalah merupakan kawasan perumahan untuk golongan berpendapatan sederhana namun, melalui perubahan masa perumahan ini telah diubahsuai seselesa mungkin bukan sahaja untuk didiami oleh pemilik rumah malah juga untuk tujuan disewakan dan menambahkan pulangan yang berlipatganda.

Gambar foto 10 di bawah menunjukkan antara bentuk rumah 'RIDA' asal generasi kedua yang masih ada pada hari ini.



4.4.1 Pengubahan Pada Struktur Hadapan

Antara bentuk pengubahan yang ketara dilakukan hasil daripada pemerhatian pengkaji ialah kepada tiga aspek utama. Pertama pengubahan melibatkan kepada bahagian hadapan rumah. Secara amnya bahagian hadapan rumah 'RIDA' terdiri daripada tangga, ruang tamu dan dua buah bilik. Pengubahan yang berlaku ialah tangga di buang, anjung diwujudkan dan ada juga rumah yang mempunyai 'porch' kaki lima tempat letak kereta. Kedua pengubahan melibatkan pada

bahagian tengah rumah yang juga melibatkan penambahan bilik, ketiganya pengubahan pada bahagian dapur yang mana sambungan di buat pada bahagian dapur menjadikan ruang dapur bertambah luas dan selesa. Di ruang dapur ini juga terdapat bilik air dan bilik tandas. Ketiga pengubahan berlaku pada struktur bahan binaan lantai rumah. Pengubahan bahan binaan lantai melibatkan penukaran lantai simen kepada lantai yang lebih baik seperti marmar, parquet dan tile.

Kajian juga menunjukkan hampir 84.6 peratus responden atau sebanyak 127 buah rumah menunjukkan pengubahan kepada rumah mereka. Hanya seramai 23 orang responden atau mewakili 15.3 peratus responden yang tidak melakukan pengubahan pada struktur rumah asal mereka. Jadual 3.5 menunjukkan jumlah responden yang telah melakukan pengubahan terhadap rumah mereka.

Jadual 3.5 Jumlah Responden Yang Melakukan Pengubahan Pada Struktur Rumah Asal 'RIDA'.

Bentuk	Bilangan	Peratus
Ada Perubahan	127	84.6
Tiada Perubahan	23	15.3
Jumlah	150	100.0

Pengubahan pada struktur hadapan rumah juga melibatkan penambahan anjung di sesebuah rumah. Daripada pemerhatian yang telah dijalankan menunjukkan bilangan rumah yang mempunyai anjung di struktur hadapan rumah mereka. Anjung di sini juga membawa maksud ruang untuk bersantai pada waktu petang tetapi tidak berdinding. Anjung pada bahagian hadapan ini juga biasanya diletakkan dengan kerusi malas atau kerusi-kerusi yang terpakai yang bertujuan untuk berehat-rehat pada waktu petang. Bilangan rumah yang mempunyai anjung di bahagian hadapan ialah sebanyak 74 buah rumah atau merangkumi 49.3% sahaja. Jumlah yang sama juga diperolehi bagi kategori rumah yang tidak mempunyai anjung di bahagian hadapan. Jelasnya anjung ini juga menunjukkan

struktur rumah 'RIDA' yang telah mengalami pengubahan atau transformasi.

4.4.2 Pengubahan Pada Bahagian Dapur

Dari aspek bentuk pengubahan yang telah berlaku pula, jumlah responden yang telah melakukan pengubahan pada bahagian dapur atau bahagian belakang rumah ialah seramai 35 responden atau meliputi seramai 36.0 % daripada jumlah responden yang telah melakukan pengubahsuaian kepada rumah mereka. Pengubahan pada bahagian dapur ini juga menempatkan bilik air dan bilik mandi yang berasingan tetapi letakan kedua-duanya ialah pada bahagian dapur.

Penyambungan pada bahagian dapur ini juga menyebabkan dapur menjadi lebih lebih luas dan lebih selesa daripada struktur dapur asal rumah 'RIDA'. Pengubahan pada bahagian dapur ini memungkinkan lebih banyak perabot diletakkan di bahagian dapur seperti dapur memasak, kerusi makan, peti sejuk dan sebagainya. Pengubahan ini juga adakalanya menambahkan kabinet dapur dan menjadikan susunan di bahagian dapur lebih kemas dan teratur berbanding dengan keadaan sebelum penyambungan dan pengubahan pada bahagian dapur di buat.

Gambar foto 11 dibawah menunjukkan antara bentuk penyambungan atau pengubahan yang telah dilakukan kepada bahagian dapur yang merubah bentuk struktur rumah asal 'RIDA' .



Pengubahan atau penyambungan pada bahagian belakang juga melibatkan sekatan atau pemisahan diantara ruang di bahagian dapur dengan ruang di bahagian tamu. Walau bagaimanapun, sekatan ini bukanlah dilakukan dengan ketara atau bermaksud terdapat halangan fizikal yang memisahkan antara dapur dan ruang tamu. Namun apa yang pasti adalah dari sudut penggunaan ruang itu sendiri dimana ruang dapur dari segi penggunaannya adalah untuk memasak. Manakala

ruang tamu adalah ruang yang digunakan untuk beristirahat, menonton televisyen dan ruang dimana tetamu yang datang dipersilakan ke sini. Ruang ini juga merupakan ruang terpenting bagi sesebuah keluarga kerana disinilah merka berkumpul sambil menonton televisyen.

Jadual 3.6 di halaman sebelah menunjukkan jumlah rumah yang mempunyai sekatan di antara ruang tamu dan ruang dapur. Hampir 76 % responden atau seramai 114 rumah yang menunjukkan sekatan diantara ruang ini. Hanya 34 rumah atau 22.7 % sahaja rumah yang tidak mempunyai sekatan tersebut. Jumlah ini mungkin menunjukkan responden adalah merupakan responden bujang dan belum berkeluarga yang mungkin terdiri daripada pelajar-pelajar pengajian tinggi yang kurang memerlukan ruang tersebut di dalam kehidupan harian mereka.

Jadual 3.6 Bilangan Rumah Yang Mempunyai Sekatan Antara Ruang Dapur Dan Ruang Tamu.

Bentuk pengubahan	Bilangan	Peratusan (%)
Ada	114	76.0
Tidak	34	22.7
Lain-lain	2	1.3
Jumlah	150	100.0

Pengubahan dan penyambungan pada bahagian dapur juga melibatkan perubahan pada bilik mandi dan tandas. Struktur asal rumah 'RIDA' menempatkan bilik air dan tandas terletak di luar kawasan rumah. Namun pengubahan yang biasa dilakukan oleh tuan rumah ialah mereka telah menempatkan bilik air dan tandas di dalam struktur keseluruhan rumah. Bilik air dan tandas biasanya terletak pada bahagian dapur atau bahagian belakang sesbuah rumah. Namun pada kebiasaan ada diantara rumah yang membuat pemisahan antara bilik air dan tandas secara berasingan. Ada juga rumah yang memuatkan sekali tandas dan bilik air. Jadual 3.7 menunjukkan bilangan rumah yang membuat pemisahan antara bilik air dan tandas.

Jadual 3.7 Menunjukkan Bilangan Rumah Yang Melakukan Pengasingan Antara Bilik Air Dan Tandas

Bentuk pengubahan	Bilangan	Peratus (%)
Tandas dan bilik air disatukan	27	18.2
Terpisah antara bilik air dan tandas	121	80.7
Tidak dinyatakan	2	1.3
Jumlah	150	100.0

4.4.3 Pengubahan Pada Bahagian Tengah

Pengubahan kedua yang diperhatikan ialah penyambungan atau pengubahan yang berlaku pada bahagian tengah rumah. Bahagian tengah biasanya memuatkan ruang tamu dan bilik tidur bagi kes rumah teres. Daripada pemerhatian yang dilakukan pengubahan pada bahagian tengah rumah ini juga melibatkan penambahan ruang bilik.

Jadual 3.8 Bilangan Bilik Yang Terdapat Di Kawasan

Perumahan 'RIDA'.

Jumlah bilik	Bilangan	Peratus
1	17	11.3
2	56	37.3
3	41	27.3
4	20	13.3
5	9	6.0
6	3	2.0
7	1	.7
8	3	2.0
Jumlah	150	100

Pengubahan juga melibatkan penambahan bilik tidur. Daripada kajian yang telah dijalankan bilangan bilik tidur di kawasan perumahan ini pada asalnya ialah hanya dua sahaja. Namun seperti yang dikatakan pengubahan dan penyambungan rumah yang telah berlaku menyebabkan ada di antara rumah yang mempunyai bilangan bilik tidur sehingga 4 buah. Ini juga berkait rapat dengan kedudukan sosio ekonomi dan bilangan ahli rumah yang telah meningkat. Bagi rumah yang telah mengalami perubahan struktur rumah yang berbeza daripada rumah asal 'RIDA' bilangan bilik tidur semakin tinggi. Perubahan terhadap rumah yang dimaksudkan di sini ialah ada diantara rumah asal 'RIDA' yang telah dirobohkan sama sekali. Rumah baru yang lebih besar dan selesa kemudiannya di bina di atas tapak rumah asal. Rumah-rumah

sebegini biasanya menyerupai rumah teres sesebuah, rumah teres dua tingkat, rumah flat tiga tingkat dan rumah banglo yang lebih cantik dan besar. Perbezaan dari segi bentuk rumah ini juga turut mempengaruhi bilangan bilik tidur yang terdapat pada sesebuah rumah. Rumah teres setingkat biasanya mempunyai 3-4 bilik tidur. Rumah teres dua tingkat mempunyai 4 bilik tidur. Manakala rumah banglo dua tingkat pula mempunyai sehingga 4-6 buah bilik tidur. Bilangan bilik sebanyak 8 buah bermaksud bilangan bilik yang terdapat pada sesebuah rumah yang dahulunya adalah rumah 'RIDA' tetapi telah berubah strukturnya menjadi rumah flat 3 tingkat dan mempunyai 6 pintu. Jadual 3.8 menunjukkan bilangan bilik yang terdapat pada sesebuah rumah di kawasan perumahan 'RIDA'.

4.4.4 Pengubahan Pada Bahan Binaan

Seperti yang telah dinyatakan terdahulu, aspek perumahan 'RIDA' bukan sahaja menunjukkan penyambungan terhadap rumah telah dilakukan. Aspek perumahan di disini juga menunjukkan berlakunya pengubahan kepada struktur bahan binaan rumah 'RIDA'. Bahan binaan di sini merujuk kepada struktur binaan rumah. Pada asalnya rumah 'RIDA' ialah berdinding dan

berlantai papan. Namun pengubahan juga melibatkan perubahan pada bahan binaan lantai seperti bahan binaan papan ditukar kepada simen, marmar, parquet dan tile. Struktur bahan binaan lantai ini menjadikan rumah 'RIDA' lebih kemas dan lebih sempurna daripada rumah asalnya. Suasana perumahan juga menjadi lebih sejuk dan sedap mata memandang berbanding dengan struktur simen. Ada diantara rumah yang melakukan pengubahan bahan binaan lantai hanya pada bahagian dapur sahaja. Tetapi ada juga rumah yang telah menukar keseluruhan bahan binaan lantai rumahnya yang merangkumi lantai di bahagian tengah dan dapur.

4.4.5 Pengubahan Pada Bentuk Keseluruhan Rumah 'RIDA'

Daripada kajian terdapat juga pengubahan yang telah menukarkan sama sekali bentuk rumah asal 'RIDA'. Pengubahan yang berlaku menyebabkan bentuk rumah asal berubah sama sekali. Antara bentuk rumah baru yang kini terdapat di tapak asal perumahan 'RIDA' ini antaranya ialah rumah teres setingkat, rumah teres dua tingkat, rumah banglo dua tingkat, serta rumah flat. Gambar foto 12, gambar foto 13 dan gambar foto 14 menunjukkan pengubahan yang telah dilakukan kepada struktur asal rumah 'RIDA' sehingga

menukar bentuk rumah asal menjadi rumah teres setingkat, rumah banglo dan rumah flat empat tingkat. Gambar foto 13 di bawah menunjukkan struktur rumah asal 'RIDA' yang telah berubah menjadi seperti rumah banglo setingkat.

Gambar foto 13: Struktur Rumah Asal 'RIDA' Yang Telah Berubah Menjadi Seperti Bentuk Rumah Banglo Setingkat.



Gambar foto 14: Menunjukkan Perubahan Struktur Rumah Asal 'RIDA' Yang Telah Menjadi Rumah Banglo.



Gambar foto 15: Menunjukkan Perubahan Struktur Asal Rumah Rida Yang Telah Bertukar Menjadi Seperti Rumah Flat Dua Tingkat.



Terdapat juga pemilik rumah yang telah membina rumah yang mengandungi beberapa pintu di atas tapak asal rumah 'RIDA'. Rumah ini kemudian disewakan mengikut bilangan bilik yang terdapat pada setiap pintu. Harga sewa yang dikenakan biasanya lebih mahal sekiranya bilangan bilik melebihi dua. Dapatan kajian juga menunjukkan daripada kesemua rumah yang telah mengalami pengubahan terdapat 24 buah rumah atau 16.0% telah menunjukkan pengubahan rumah yang berbeza sama sekali dengan struktur rumah asal 'RIDA'. Bagi

memperlihatkan dengan lebih jelas bentuk-bentuk pengubahan yang berlaku sila lihat pada Jadual 3.9.

Jadual 3.9 Menunjukkan Bentuk-Bentuk Pengubahan Yang Telah Berlaku.

Bentuk pengubahan	Bilangan	Peratusan
Bahagian dapur	64	50.3
Struktur hadapan/anjung	74	58.2
Struktur binaan lantai	54	42.5
Struktur rumah keseluruhan berubah	24	18.8

Jadual tersebut juga menunjukkan bentuk pengubahan yang paling popular ialah pada bahagian hadapan. Diikuti pada bahan binaan dapur, lantai dan pengubahan pada bentuk asal rumah 'RIDA'.

Pengubahan rumah juga berkait dengan usia rumah. Majoriti rumah yang telah mengalami pengubahan ini berusia lebih daripada 10 tahun (92.0%). Usia rumah ini boleh dilihat secara fizikalnya. Walau bagaimanapun kajian ini menunjukkan hampir 85 peratus atau 128 buah rumah yang

telah berusia melebihi 10 tahun. Jadual 4.0 di bawah menunjukkan taburan usia rumah Responden yang telah mengalami pengubahan.

Jadual 4.0 Menunjukkan Taburan Usia Pengubahan Rumah Di Kawasan Perumahan 'RIDA' .

Usia rumah	Bilangan	Peratus
< 2 tahun	4	2.7
3-5 tahun	8	5.3
6-10 tahun	10	6.7
> 10 tahun	128	85.3
Jumlah	150	100.00

4.5 Rumusan

Kesimpulannya, aspek perumahan di kawasan ini menunjukkan kepelbagaiannya corak terutamanya dari segi struktur rumah yang telah diubahsuai. Di dapati perubahan masa yang berlalu telah mengubah struktur rumah asal 'RIDA' di kawasan ini. Perubahan yang berlaku agak ketara terutamanya terhadap struktur rumah yang dimiliki dan didiami sendiri oleh tuan rumah atau anak-anak mereka. Keadaan pengubahsuaian yang telah berlaku memperlihatkan bahawa ada

diantara rumah di kawasan ini kelihatan begitu selesa dan moden berbanding dengan struktur asalnya yang boleh diungkapkan sebagai tempat berteduh yang serba sederhana.

Perubahan masa telah merubah corak dan aspek perumahan 'RIDA' ini. Aspek perumahan di kawasan ini bukan sahaja memaparkan struktur fizikal perumahan 'RIDA' yang telah berubah kepada bentuk yang lebih baik, moden dan selesa, malah ia juga telah turut memaparkan corak kehidupan masyarakatnya yang juga berbeza dan beraneka. Penghuni-penghuni di kawasan kediaman ini sekarang bukan sahaja terdiri daripada golongan berpendapatan rendah sahaja seperti dahulu, malah ada diantara mereka yang telah mempunyai tahap sosio ekonomi yang lebih baik melalui pendapatan anak beranak yang tinggal bersama mereka. Kedua-dua keadaan ini turut mempengaruhi pola pengubahsuaian yang telah dilakukan oleh pemilik rumah ke atas rumah asal mereka.